

---

HARI RABU, 18 MEI, 1994, PUKUL 2.30 PETANG

**\*1. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah langkah dan rencana Kementerian akan ambil untuk membenteras kegiatan penjualan barang-barang tiruan serta operasi cetak rompak;
- (b) adakah beliau sedar program kotak cadangan pengguna yang diletakkan di tempat-tempat strategik di kawasan sekitar bandar Labuan telah terbiar dalam keadaan tidak terurus dan ada pula yang sudah pecah. Jika sedar apakah program ini masih dititikberatkan lagi dan mengapa sambutan orang awam amat dingin terhadap program ini; dan
- (c) sama ada beliau sedar bahawa masih ramai peniaga yang menawarkan jualan dalam kiraan kati dan ela serta membuat cadangan pilihan untuk membeli dalam kiraan lama atau sistem metrik. Jika sedar apakah langkah Kementerian untuk menghapus sama sekali sistem imperial ini dan tidak membiarkan peniaga meletak tanda harga yang mengelirukan seperti contohnya dalam 600gm dan bukan dalam kiraan 1000gm atau 1kg.

**\*2. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa baru-baru ini Persidangan Kumpulan 15 (G-15) di New Delhi, India kurang mendapat sambutan sehingga tidak cukup KORUM. Melalui maklum balas dan maklumat yang dikumpulkan, adakah keadaan tersebut berupa satu sabotaj atau boikot terhadap Malaysia yang bersungguh-sungguh mahu menegakkan keadilan.

**\*3. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan masih terdapat kerumitan pekerja-pekerja kilang, terutamanya soal penginapan, kebajikan dan keselamatan mereka. Adakah Kerajaan bercadang membina asrama-asrama secukupnya untuk dimuatkan pekerja-pekerja ini. Bolehkah Kerajaan mensyaratkan pekilang memastikan adanya tempat tinggal yang berbentuk asrama bagi mereka yang datang dari jauh dari tempat kerja. Kalau tidak, sejauh manakah tanggungjawab majikan menjaga kebajikan pekerja masa ini.

**\*4. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada Kerajaan akan menentukan kilang-kilang perusahaan memberi peluang atau bekerjasama dengan usahawan IKS bagi melaksanakan sebahagian daripada pengeluaran kilang atau membantu pengujudan IKS.

**\*5. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah sedar atau tidak kegunaan telefon mobil (frekuensinya) telah mengacau visi televisyen di beberapa tempat dalam negeri Perak. Jikalau sedar, apakah tindakan akan diambil oleh Kementerian.

**\*6. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tentang:

- (a) sejauhmanakah Jabatan Kebajikan Masyarakat berjaya membantu golongan miskin keluar dari garisan kemiskinan mereka;
- (b) adakah kursus-kursus bercorak komersil disediakan untuk golongan miskin ini; dan
- (c) kalau ada, apakah jenis kursus-kursus tersebut.

**\*7. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Pertahanan menyatakan tahap prestasi anggota angkatan tentera Malaysia yang beragama Islam dalam menjadikan anggota Islam yang menghayati perintah ALLAH melalui KAGAT.

**\*8. Tuan Shahiruddin Abdul Moin** minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini apakah perkembangan yang telah dilakukan bagi menjayakan projek LRT di Kuala Lumpur.

**\*9. Tuan Shahiruddin Abdul Moin** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kita akan terus tidak memberi kontrak kepada syarikat dari Britain.

**\*10. Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pencaruman dan jumlah caruman kepada KWSP sehingga hari ini; dan
- (b) bidang pelaburan yang telah diceburi oleh KWSP.

**\*11. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa rawatan orang tua atau 'geriatrics' adalah satu disiplin perubatan yang baharu dan jika ia, adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan wad khas di hospital-hospital bagi pesakit-pesakit tua selaras dengan konsep masyarakat penyayang.

**\*12. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah faktor persaraan awal guru-guru yang berpengalaman bersangkut paut dengan ketidak puas hati tentang penilaian SSB dan adakah pihak Kementerian menubuhkan jawatankuasa bagi menyiasat sebab-sebab persaraan awal guru-guru ini; dan
- (b) apakah tindakan pihak Kementerian terhadap guru-guru DG5 yang mendapat kelulusan STPM dalam masa perkhidmatan mereka dan apakah ganjaran yang ditawarkan kepada guru-guru DG3 ke atas yang berjaya dalam usahanya mendapatkan kelulusan sarjana.

**\*13. Tuan Haji Dol bin Dollah** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kementerian beliau akan selesai memproses lebih 11,000 permohonan pendaftaran ubat tradisional yang diterima sejak Januari 1992. Mengapakah proses pendaftaran ini memakan masa yang lama dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian.

**\*14. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan dana institusi asing dijangka akan terus membanjiri pasaran negara ini, apakah langkah-langkah berjaga yang dijalankan oleh Bank Negara untuk mengawal dana spekulasi ini bagi menjaga kestabilan ekonomi kita.

**\*15. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa apakah langkah-langkah yang positif untuk memulih kerugian sebanyak RM547 billion oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini.

**\*16. Puan Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapakah peratus penduduk atau jumlah kawasan di Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak yang masih tidak menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik dan talipon walaupun negara telah mencapai taraf negara membangun. Apakah cara serta tindakan untuk mengatasi masalah ini;
- (b) berapa banyakkah 'Independent Power Producer' (IPP) yang ada dan apakah perkembangan syarikat-syarikat ini dalam pembekalan kuasa tenaga kepada TNB. Adakah projek-projek Kerajaan seperti Empangan Pergau dan Bakun akan menerima kesan atas persaingan daripada mereka; dan
- (c) jika berlaku lebih tenaga, adakah pihak Kementerian telah mengambil langkah-langkah perancangan dan pemasaran terperinci sebagai persediaan.

**\*17. Datin Hajah Wan Intan Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak agensi yang mengendalikan kemasukan rakyat Indonesia untuk bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia tidak menunaikan janji-janji yang dibuat kepada pekerja-pekerja ini sebelum mereka dibawa ke Malaysia, dan akibatnya ada pekerja Islam ditempatkan bekerja dengan majikan bukan Islam, ada pekerja yang tidak dibayar gaji untuk beberapa bulan dan ada pekerja yang diberi layanan yang amat buruk sekali. Jika sedar, nyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk menentukan pekerja-pekerja ini tidak dieksploitasikan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

**\*18. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan garis panduan yang digunakan untuk memilih syarikat-syarikat yang memohon untuk menyertai program vendor sebagai pembekal kepada syarikat besar.

**\*19. Tuan Abdul Rashid bin Ismail:** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah dan tindakan pihak Kementerian terhadap majikan ladang yang enggan melaksanakan perjanjian antara Kementerian dengan persatuan yang dianggotai ladang terbabit untuk menaikkan taraf hidup pekerja ladang menerusi projek lima tahun.

**\*20. Tuan Haji Hanipah bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah umat Islam yang sudah mendaftar diri bagi menunaikan Haji tahun ini (Hijrah 1414) mengikut daftar negeri-negeri dan berapa jumlah kutipan tambang Haji yang dikutip dari bakal-bakal Haji tersebut;
- (b) bagaimanakah Tabung Haji berurusan dengan wang tambang Haji dari bakal-bakal Haji yang tidak termasuk dalam senarai mengikut kuota yang ditetapkan oleh Arab Saudi; dan
- (c) berapa ramaikah yang dapat menunaikan Haji pada tahun ini, mengikut negeri-negeri.

**\*21. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab penyakit buah pinggang dan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan sebuah yayasan untuk membantu pesakit-pesakit buah pinggang dengan menerima pemberian buah pinggang dari mereka yang berhasrat untuk memberi buah pinggang, seperti banduan-banduan yang menjalani hukum mati sebelum mereka menjalani hukum mati.

**\*22. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha-usaha terkini dan canggih untuk meningkatkan lagi pengeluaran hasil Pertanian padi di negeri Selangor khususnya dalam penanaman padi supaya negeri Selangor dapat mengekspot beras di seluruh negara.

**\*23. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyak pokok-pokok yang ditanam di sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan berapa banyakkah yang telah musnah akibat angin ribut yang kerap-kali berlaku di Kuala Lumpur sejak tahun 1990; dan
- (b) adakah Kementerian ini bercadang untuk menanam lebih banyak pokok lagi supaya dapat mengurangkan pencemaran udara di sekitar Bandaraya ini.

**\*24. Tuan Limun Laikim** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah persiapan awal yang sedang dijalankan untuk penubuhan Universiti Sabah;
- (b) di kawasan mana ianya akan ditempatkan; dan
- (c) berapa jumlah pelajar yang akan diambil belajar di universiti ini.

**\*25. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada pembatalan kontrak dengan Kerajaan Inggeris mendatangkan kerugian yang dialami dengan tindakan memberhentikan kontrak-kontrak syarikat Inggeris di negara ini.

**\*26. Dato William Chek Lin Kwai** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) memandangkan asas perindustrian negara masih lagi sempit dan lemah dan amat bergantung kepada sektor elektronik dan tekstil, apakah langkah-langkah dan tindakan pihak Kementerian dalam mempelbagaikan asas perindustrian negara;
- (b) adakah pihak Kementerian akan mengkaji semula sistem insentif fiskal memandangkan banyak pihak telah mempertikaikan keunggulannya dalam menarik pelaburan asing serta menjamin daya persaingan barangan buatan Malaysia; dan
- (c) sejauh manakah dasar perindustrian negara yang wujud sekarang itu dapat membawa negara mencapai objektif Wawasan 2020.

**\*27. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyak Syarikat Bas Persiaran yang telah diambil tindakan kerana menipu dan menjual tiket-tiket bas palsu kepada pengguna-pengguna pada setiap musim perayaan.

**\*28. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sejauh manakah kementerian mengenalpasti kilang-kilang yang operasinya melibatkan kegunaan bahan-bahan kimia yang toksik yang premisnya terletak berdekatan dengan kawasan kediaman;
- (b) apakah syarat-syarat bagi membolehkan sebuah kilang yang menjalankan operasi melibatkan kegunaan bahan-bahan kimia dan toksik didirikan di atas tanah perindustrian tetapi terletak berhampiran kawasan kediaman; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pencemaran udara di Malaysia disebabkan pertumbuhan kilang-kilang perindustrian yang kian membangun.

**\*29. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah mata pelajaran seks akan diajar di sekolah-sekolah bantuan penuh Kerajaan. Mengapakah mata pelajaran ini tidak dimasukkan dalam mata pelajaran 'psikologi' kerana skopnya lebih luas. Apakah Kementerian berpendapat mata pelajaran 'psikologi' juga dapat memupuk perasaan kasih sayang antara keluarga, guru dan murid serta antara individu dengan masyarakat.

**\*30. Puan Kelsom binti Yaacob** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian menyedari dengan pengambilan semula guru-guru bersara berkhidmat di sekolah-sekolah tidak begitu memberikan kekesanan yang baik, terutama dari kalangan Pegawai Pendidikan dan Pentadbiran yang sudah lama tidak mengajar.

**\*31. Puan Hajjah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewajibkan pasangan Islam yang hendak melangsungkan perkahwinan mendapat sijil pengakuan bebas AIDS dari doktor.

**\*32. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada urusan penghantaran surat-surat ke Sarawak dan Sabah menggunakan Kapal Terbang sendiri oleh Pos Malaysia telah merupakan suatu peningkatan serta urusan yang cekap dan cepat telah tercapai. Apakah Pos Malaysia ada merancang untuk menambah beberapa buah kapal lagi termasuk kapal-kapal kecil untuk urusan dalam negeri ataupun destinasi tetap perkhidmatan Pos;
- (b) jumlah bayaran perkhidmatan oleh Pos Malaysia kepada Syarikat yang mengendalikan perkhidmatan yang mengendalikan perkhidmatan ini setahun dan siapakah pemiliknya; dan
- (c) sama ada beliau sedar bahawa Pejabat Pos Besar Labuan yang ada sekarang adalah merupakan sebuah bangunan kecil yang telah dibina sejak pemerintahan British lagi, sedangkan aktiviti urusan Pos telah berkembang dengan pesat sehingga kaunter-kaunter urusan tambahan tidak boleh dibuat dan mengakibatkan kesesakan. Orang awam yang berurusan kadangkala terpaksa berbaris sehingga di ruang luar bangunan. Jika sedar' bilakah program mengadakan bangunan sendiri boleh dibuat selaras dengan imej Labuan sebagai IOFC.

**\*33. Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada hospital baru Wilayah persekutuan Labuan akan menubuhkan bahagian rawatan buah pinggang yang memerlukan mesin 'Haemodialysis'.

**\*34. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan langkah-langkah berkesan yang akan diambil dalam mengatasi kes penderaan kanak-kanak yang bertambah meluas, adakah kemungkinan suatu pengembelian tenaga fikir yang praktikal diwujudkan.

**\*35. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana komitmen terhadap peluang-peluang perniagaan di Kawasan Pembangunan Segi Tiga Wilayah Utara khususnya bagi institusi atau badan perniagaan bagi kawasan utara.

**\*36. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan selepas pindaan seksyen 139 Akta Syarikat 1965:

- (a) berapa permohonan telah diterima untuk lesen setiausaha syarikat pada masa setakat ini;
- (b) berapa permohonan telah diluluskan dan ditolakkan; dan
- (c) sebab-sebab permohonan ditolak.

**\*37. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tentang:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lesen setelit TV kepada orang ramai; dan
- (b) kalau ada, berapa bayaran yang dikenakan dan apakah syarat-syarat untuk memohon.

**\*38. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah beliau sedar masih banyak filem-filem yang ditayangkan di TV2 dan TV3 yang terdapat didalamnya adegan ganas dan lucu. Kalau sedar, apakah langkah-langkah yang sedang diambil supaya kesannya tidak memberi hasil buruk kepada belia dan masyarakat.

**\*39. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengenai tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah pencemaran sungai-sungai di negara ini.

- (a) apakah cara-cara sungai-sungai di negara ini tercemar; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal pemendapan sungai yang pesat.

**\*40. Puan Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian terhadap mangsa-mangsa rogol bawah umur khasnya rogol dilakukan oleh kaum keluarga sendiri yang berleluasa waktu kini; dan
- (b) adakah mangsa-mangsa rogol itu dapat mengatasi stigma masyarakat terhadap mereka dan adakah bantuan psikologi dan bimbingan diberikan kepada mangsa-mangsa malang ini. Apakah akan terjadi terhadap mereka dan bayi mereka yang dilahirkan. Adakah bantuan diberi dan sama ada mereka yang masih bersekolah dapat meneruskan pengajian mereka.

**\*41. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meminta semua negara-negara Islam di dunia memberi bantuan senjata kepada Bosnia bagi menyelamatkan negara itu daripada pencerobohan penganas Serb.

**\*42. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah peruntukan kewangan yang lebih akan dapat diberikan kepada Kerajaan Baru di Sabah yang mana rakyatnya menginginkan kemudahan asas yang setanding dengan Semenanjung dan Sarawak dalam sektor Jalan Raya, Letrik dan Bekalan Air sebagaimana yang dijanjikan dalam kempen Pilihanraya Sabah baru-baru ini.

**\*43. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebabnya di atas kerugian wang pertukaran asing berjumlah sebanyak RM5.7 billion yang dialami oleh Bank Negara, Malaysia dan apakah langkah-langkah yang dan dijalankan pada masa akan datang supaya tidak berlaku kehilangan wang yang begitu banyak; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan gaji pegawai-pegawai dan kakitangan Bank Negara supaya mereka dapat berkhidmat dengan Bersih, Cekap dan Amanah.

**\*44. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pendatang asing yang masih terdapat di negara ini; dan
- (b) berapa ramai pula pendatang asing ini yang melakukan jenayah sehingga Mac, 1994.

**\*45. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah Kementerian sedar tentang sikap sesetengah pemandu-pemandu bas mini yang tidak bertimbang rasa, iaitu tidak menepati jadual perjalanan, menurunkan penumpang sesuka hati dengan alasan 'trafik jam', ada kawalan pegawai JPJ, kerosakan bas dan sekarang wujudnya 'transit' di mana pemandu bas menyuruh penumpang mengambil bas lain kerana enggan melalui kawasan berkenaan dengan alasan penumpang sedikit. Apakah tindakan Kementerian terhadap pemandu-pemandu dan syarikat-syarikat bas mini tersebut.

**\*46. Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada KDN mempunyai rancangan untuk mengawasi dan melatih pengawal-pengawal keselamatan yang diupah oleh syarikat-syarikat memandangkan terdapat banyak kes-kes pengawal sendiri terlibat dalam kes-kes jenayah; dan
- (b) adakah satu institut perlu diwujudkan untuk melatih pengawal-pengawal keselamatan agar pengawal-pengawal yang bertauliah sahaja boleh diupah oleh syarikat-syarikat.